



# PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

(KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH)

## KENYATAAN TENDER

PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH (RISDA) mempelawa **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

No. Tender	Tajuk Kerja	Syarat-syarat Pendaftaran	Lawatan Tapak	Harga Dokumen Tender	Tempoh Pembelian Dokumen Tender	Tarikh / Waktu Tutup / Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
<b>7.0-18/2014</b>	<b>CADANGAN TAMBAHAN DAN PINDAAN KE ATAS BANGUNAN PEJABAT 5 LAPIS (TINGKAT) DI ATAS LOT 1944 (PN7595), JALAN PEJABAT, MUKIM BANDAR KUALA TERENGGANU, DAERAH KUALA TERENGGANU, TERENGGANU.</b>	<b>BERDAFTAR DENGAN CIDB GRED G5</b>  <b>Kategori B Pengkhususan B04</b>  <b>SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)</b>	<b>10/11/2014 (Isnin)</b>  Masa : 11.00 Pagi  <b>KEHADIRAN DIWAJIBKAN</b>  Petender diminta berkumpul di :- Pejabat RISDA Negeri Terengganu, Jalan Sultan Ismail, 20700 Kuala Terengganu, Terengganu.  (Tel : 09-6222766)	<b>RM 1,000.00</b>	Mulai pada  <b>11/11/2014 (Selasa)</b>  Sehingga  <b>01/12/2014 (Isnin)</b>	<b>02/12/2014 (Selasa)</b>  <b>Tepat Jam : 12.00 Tengah hari</b>  Urusetia :  Pejabat RISDA Negeri Terengganu, Jalan Sultan Ismail, 20700 Kuala Terengganu, Terengganu.

Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai / Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **"KETUA PENGARAH RISDA"**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

**Ahad hingga Rabu : Dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang;**

**Khamis : Dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan dari jam 2.30 petang hingga 3.30 petang.**

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang Sah saja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskah** dokumen tender sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor / wakil kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWAT TAPAK ASAL, SIJIL PENDAFTARAN ASAL PKK dan CIDB** yang masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA salinan pendua kedua-dua sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender**. Perkhidmatan fotostat tidak disediakan. Petender dikehendaki menyediakan pengangkutan sendiri semasa menghadiri lawatan tapak.

Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Kerja** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender Urusetia Perolehan RISDA, Pejabat RISDA Negeri Terengganu, Jalan Sultan Ismail, 20700 Kuala Terengganu, Terengganu** tidak lewat daripada **02/12/2014 (Selasa)** sebelum jam **12.00 tengah hari**.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH  
DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**